

**JUDUL : BERITA HARIAN**

TARIKH : 27 Ogos 2023

SITASI :

M/S : 34

Mohamad, Haliza. "PNM Aktif Bina Koleksi Manuskrip." *Berita Harian*, 27 Aug. 2023, p. 34.



34

PERSPEKTIF SASTERA

27 OGOS 2023 BH AHAD

# PNM aktif bina koleksi manuskrip

Usaha mengesas manuskrip Melayu bertebaran di serata dunia dibuat secara aktif sejak 1985

Oleh Haliza Mohamad  
bhsastera@bji.com.my

**Kuala Lumpur:** Keberadaan sejumlah 20.000 manuskrip Melayu dalam simpanan pelbagai pihak di luar negara bukannya hal yang menjadikan rahsia lagi.

Setakat ini diketahui tersimpan di Universiti Leiden di Belanda selain sejumlah yang besar dimiliki British Library selain turut disimpan oleh Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura malah Russia.

Hal ini menjadikan ia sukar dicapai untuk kajian kecuali koleksi manuskrip Melayu di British Library yang sudah didigitalkan dan boleh diakses secara percuta.

Projek digitalisasi British Library itu bermula pada 2013 dengan kos keseluruhannya mencapai sekurang RM686.180.

Malah sehingga kini British Library diketahui sebagai penyimpan terbesar manuskrip Melayu di dalam repositori, dengan kebanyakannya adalah genre kesusastraan, sejarah dan undang-undang bermula dari abad ke-17 hingga akhir abad ke-19.

Susulan pendedahan itu beberapa tahun lalu banyak pihak mendadangkan kerajaan berusaha membawanya kembali ke Malaysia.

Cadangan berkenaan meskipun baik tetapi agak mustahil untuk dilakukan berdasarkan kos yang perlu dikeluarkan.

Namun hal itu tidak menghalang usaha Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk terus aktif membangun koleksi manuskrip Melayu lama.

**“Sehingga kini PNM mempunyai 5,205 manuskrip asal dalam koleksinya dan 2,719 lagi sudah pun didigitalkan”**

Salsiah Abdul Wahab

Ketua Pengarah PNM, Salsiah Abdul Wahab, berasal sejak 1985. PNM menerusi penubuhan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), iaitu mengorganisir manuskrip yang bertebaran di dalam dan luar negara untuk tujuan pemetaan juga menggalakkan penyelidikan.

#### Pusat repositori

Hal ini katanya menjadikan PNM sebagai pusat repositori terbesar bagi khazanah warisan intelektual negara selaras dengan peranan, fungsi serta tujuan penubuhan PKMM.

“Sehingga kini PNM mempunyai 5,205 manuskrip asal dalam koleksinya dan 2,719 lagi sudah pun didigitalkan.

“Malah PNM turut menyimpan sebuah naskhah manuskrip berusia 386 tahun dalam bentuk mikrofleim yang berjudul *Kedadian Langit dan Bumi*,” katanya.

Tegas Salsiah, PNM sentiasa aktif dalam momparhatianan manuskrip Melayu lama.

Malah, meskipun beberapa institusi di Malaysia turut menyimpan manuskrip Melayu misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka juga Universiti Malaysia, PNM adalah tonggak utama sebagai institusi yang menyimpan, mendokumentasi dan memelihara pencapaian intelek negara sama dalam bentuk ber cetak atau digital.

Hal ini katanya selari dengan fungsiannya mengikut Akta Perpus-takaan Negara 1972.

Tambahan, selain berusaha memperkasaan koleksi, PNM turut berusaha menggalakkan sarjana melakukan kajian dan penyelidikan berkaitan selain berperanan meramalkan ahli filologi dengan pelbagai cara.

Antaranya termasuk mengajurkan pelbagai aktiviti pameran dan promosi secara berterusan bagi memperkenalkan ma-

PNM menggalakkan sajana melakukan kajian manuskrip Melayu selain berperanan meramalkan ahli filologi dengan pelbagai cara.

manuskrip Melayu misalnya menerusi penerbitan *Jurnal Filologi Melayu* sejak 1992.

“Jurnal ini khusus untuk menyerlahkan ilmu mengenai manuskrip Melayu kepada masarakat dan memuatkan artikel-artikel ilmiah yang dibasilkan oleh tokoh dan sarjana dalam dan luar negara.

“Poranan ahli filologi ini penting kerana tanpa mereka banyak penyelidikan yang berhubungan dengan manuskrip Melayu lama tidak dapat dibuat.

“Jadi kami berharap lebih ramai ahli filologi dapat dilahirkan menerusi pembinaan dan sebagai geran untuk pemberiwasahan peringkat sarjana dan doktor filsafah.

“Dalam hal diharap Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui jabatan ini dapat berkolaborasi bersama Kementerian Pengajaran Tinggi untuk membolehkan mereka mengalihaksara naskhah manuskrip, terutama dalam bidang yang masih belum diteroka,” katanya.

#### Kepentingan manuskrip

Untuk rekoah, ahli filologi umumnya membuat penyelidikan dan mengalihaksara dan menterjemah dari tulisan jawi ke rumi.

Susulan itu mereka dilihat sebagai aset terpenting dalam penyelidikan berdasarkan sumber

sejarah yang ditulis menggabungkan kajian sastera, sejarah dan linguistik.

Mereka difasirkan sebagai kumpulan yang melakukan kajian teks sastera dan rekod bertulis yang dapat mengesahkan ketulenan serta keaslian bahan dan menafsir makna yang ada dalam manuskrip berkenaan.

Tambah Salsiah, penyelidikan akan membuka lebih banyak ruang bagi rakyat Malaysia untuk menghargai karya agung.

Malah tegasnya, menyediari kepentingan dan potensi manuskrip Melayu lama sebagai warisan tidak ketara, PNM kerap mencalonkannya untuk mendapat pengiktirafan sebagai warisan dunia anjurran Pertubuhan Pendidikan, Sainsik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

“Misalnya tahun ini, *Kitab Ibl* (MSS 1292) yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dicadangkan untuk pengiktirafan itu,” katanya.

Sebelumnya, *Kitab Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* sudah diiktiraf sebagai sebahagian *Memory Of The World* pada 2001.

PNM menyimpan dua manuskrip *Kitab Hang Tuah* yang masing-masing direkodkan sebagai MSS 1658 dan MSS 1713.

Selain PNM, manuskrip yang sama turut disimpan oleh British Library. Institusi itu juga turut menyimpan beberapa manuskrip lain misalnya *Hikayat Tanah Jawa, Undang-undang Melaka* dan *Hikayat Nabi Yusuf*.